

# Guru J-Qaf jangan berfikiran sempit – Hishammuddin

UM-9/12/2006

Oleh HABIBAH OMAR

**PUTRAJAYA** 8 Dis. – Guru yang mengajar mata pelajaran J-Qaf diingatkan tidak berfikiran sempit dengan hanya memikirkan tugas dan tanggungjawab dalam konteks pendidikan agama semata-mata.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, guru berkenaan sebaliknya perlu melihat dari sudut lain meliputi masalah disiplin pelajar, program kokurikulum, gejala sosial dan isu perpaduan.

“Saya nak ingatkan guru yang turun ke sekolah untuk program J-Qaf ini bahawa penting bagi mereka memahami matlamat dan objektif sebenar diadakan program itu.

“Mereka perlu beri penjelasan bahawa Islam bukan agama mundur dan pendidikan agama tidak menyekat perpaduan sebaliknya memperkukuhkan hubungan antara kaum,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis perasmian konvokesyen Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) J-Qaf di sini hari ini.

Konvokesyen itu diadakan selama empat hari bermula hari ini dan kira-kira 3,000 graduan KPLI J-Qaf pengambilan Januari 2005 yang menamatkan pengajian di 24 Institut Pendidikan Guru (IPG) seluruh negara menerima Diploma Pendidikan Malaysia.

Program J-Qaf diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 2003 bertujuan melahirkan murid sekolah rendah yang bukan sahaja dapat menguasai kemahiran membaca al-Quran malah dapat menguasai bahasa Arab, tulisan jawi dan menghayati asas fardu ain.

Berikutan itu, Kementerian Pelajaran melalui Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (Japim) telah mengorak langkah melaksanakan program J-Qaf mulai 2005 di 1,221 sekolah di seluruh negara dan melatih 3,663 guru.

Ketika ini, Hishammuddin berkata, kementeriannya sedang melatih 3,705 guru untuk pengambilan 2006 yang melibatkan 1,235 buah sekolah rendah dan 25 IPG seluruh negara.

Sementara bagi pengambilan 2007 pula, sebanyak 4,962 calon ditawarkan menjalani latihan di 2,468 sekolah dan 26 IPG.

Mengenai Pelan Induk Pendidikan (PIP) yang sepatutnya dilancarkan hari ini, Hishammuddin berkata, ia ditangguhkan ke 12 Januari tahun depan dan akan dihadiri oleh Perdana Menteri serta Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

“Kedua-dua pemimpin kita itu akan hadir dan penting bagi kita mendapatkan sokongan daripada mereka dalam usaha kerajaan memperkasakan bidang pendidikan di negara ini,” katanya.